

SOALAN NO. 72**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 2 OGOS 2017 [RABU]

SOALAN :

**TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] MEMINTA MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan jumlah sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah
(Home Help) di negeri Sarawak dan apakah langkah Kementerian untuk
membolehkan lebih ramai sukarelawan dari Sarawak menjalani kursus
penjagaan orang tua dan khidmat bantu di rumah.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan, KPWKM menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) pada tahun 2012. Program ini yang dilaksanakan oleh sukarelawan yang berdaftar dengan JKM merupakan perkhidmatan pendampingan sosial (*social outreach*) kepada dua kumpulan sasar iaitu OKU dan warga emas.

Sehingga Jun 2017 seramai **311** orang sukarelawan dari negeri Sarawak telah memberi perkhidmatan kepada seramai **553** warga emas dan **301** OKU melalui Program KBDR di negeri Sarawak.

KPWKM menerusi JKM menyediakan Latihan Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Program KBDR kepada sukarelawan JKM menerusi Seminar Pemerkasaan Perkhidmatan KBDR. Seminar ini bertujuan meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan yang disalurkan oleh sukarelawan kepada semua klien yang terlibat terutama warga emas

dan OKU. Seminar ini juga merupakan inisiatif *NBOS 1Malaysia Family First* melibatkan kerjasama Unit Strategi Nasional (NSU), KPWKM dan Kementerian Kesihatan Malaysia yang dilaksanakan sebanyak tiga siri pada setiap tahun kepada sukarelawan JKM di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak.